



Siaran **AKHBAR**

KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100/2/1/2 JLD 5 (37) 06/03

10,205 WARGA KERJA PERTAHANAN DIRAI DAN TERIMA PENGIKTIRAFAN CEMERLANG TAHUN 2022

Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Utama Mohamad bin Haji Hasan telah menyempurnakan Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan Jasamu Dikenang Kementerian Pertahanan Tahun 2023 bertempat di Grand Ballroom Hotel InterContinental, Kuala Lumpur, hari ini.

Bagi menghargai sumbangan dan penghargaan kepada warganya, Kementerian Pertahanan dan ATM telah menganugerahkan APC dan Pingat Perkhidmatan dan Pekerti Terbilang (PPT) Tahun 2022 kepada **874 warga awam, 9,198 warga ATM** dari ketiga-tiga cabang perkhidmatan dan **133 orang pesara** menjadikan **jumlah keseluruhan adalah seramai 10,205 orang**.

Pada majlis ini, Menteri Pertahanan telah menyempurnakan penyampaian anugerah dan pingat kepada **391 orang penerima** APC dan Pingat PPT yang terdiri daripada penjawat awam di Wisma Pertahanan dan Unit-Unit Tentera, warga ATM serta Pesara Awam terpilih. Bagi baki selebihnya, majlis penganugerahan akan diselaraskan oleh Negeri / Markas masing-masing

YB Dato' Seri Utama Mohamad dalam ucapannya menyeru agar warga kerja pertahanan untuk terus kekal cemerlang dengan sikap yang tulus, positif dan ikhlas disamping menjadi contoh kepada rakan-rakan sekerja untuk lebih berusaha pada masa akan datang.

"Kepada pesara, kita bersara daripada jawatan tetapi jangan bersara dalam menabur jasa dan bakti kepada bangsa dan negara", tambah beliau semasa merasmikan Majlis yang bertemakan Apresiasi Melestari Khidmat Bakti dan Kecemerlangan Kementerian Pertahanan sebentar tadi.

Penerima APC akan diberikan Sijil Perkhidmatan Cemerlang dan hadiah prestasi wang tunai yang bernilai RM 1,000.00 manakala bagi Pesara awam yang bersara wajib akan menerima Pingat PPT, Sijil Penghargaan serta hadiah wang tunai berjumlah RM 600.00 manakala Pesara Awam yang bersara pilihan akan menerima Sijil Penghargaan dan hadiah wang tunai bernilai RM 600.00.

Pecahan keseluruhan penerima adalah seperti di **Lampiran**.

Penganugerahan dan pengiktirafan ini diberikan sebagai tanda penghargaan kepada setiap warga kerja pertahanan di mana mereka bukan hanya bertindak sebagai petugas barisan hadapan negara malah turut memainkan peranan sebagai unsur teras dalam tonggak kedua strategi pertahanan negara iaitu Pertahanan Komprehensif seperti yang digariskan dalam Kertas Putih Pertahanan.

Hadir sama, Timbalan Menteri Pertahanan, YB Adly Zahari, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, YBhg. Dato' Sri Muez bin Abd Aziz, Panglima Angkatan Tentera, YBhg. Jeneral Tan Sri Dato' Sri Hj. Affendi bin Buang TUDM, Panglima-Panglima Perkhidmatan serta Pihak Pengurusan Tertinggi Kementerian dan ATM.

-TAMAT-

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

14 Mac 2023



**MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG DAN JASAMU DIKENANG
KEMENTERIAN PERTAHANAN TAHUN 2023**

Penerima APC dan Pingat PPT pada 14 Mac 2023 (Selasa)

Bil	Bahagian / Jabatan	Jumlah Penerima
1.	Penerima APC Awam Di Bahagian Wisma Pertahanan	153 Orang
2.	Penerima APC Awam Di Unit-unit Tentera	150 Orang
3.	Pesara : Penerima Pingat Perkhidmatan & Pekerti Terbilang	43 Orang
2.	Penerima AKC Tentera Tiga Perkhidmatan	45 Orang
Jumlah Keseluruhan		391 Orang

Penerima APC dan Pingat PPT secara keseluruhan

PENERIMA APC PENJAWAT AWAM KEMENTERIAN	
Perkhidmatan	Bilangan
Bahagian Wisma Pertahanan	153
Markas/Briged/Sabah/Sarawak/Unit-Unit Tentera	721
Jumlah	874 Orang
PENERIMA ANUGERAH KHIDMAT CEMERLANG ANGKATAN TENTERA MALAYSIA	
Perkhidmatan	Bilangan
Tentera Darat Malaysia	6,781
Tentera Laut Diraja Malaysia	1,231
Tentera Udara Diraja Malaysia	1,186
Jumlah	9,198 Orang
PENERIMA PESARA	
Pesara	Bilangan
Wajib	102
Pilihan	31
Jumlah	133 Orang